

D.R. /2017

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 2017.

(2) Kecuali bagi perenggan 2(a) dan 11(b) dan seksyen 12 dan 13, Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 12

2. Akta Timbang dan Sukat 1972 [*Akta 71*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 12—

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(2A) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual Kedua.”; dan

- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “empat puluh”.

Pindaan seksyen 14

3. Subseksyen 14(6) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “empat puluh”.

Pindaan seksyen 14B

4. Seksyen 14B Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “satu” dengan perkataan “sepuluh”;
- (b) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “dua puluh lima”;
- (c) dalam subseksyen (6), dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dengan perkataan “lima ribu”;
- (d) dalam subseksyen (9), dengan menggantikan perkataan “satu” dengan perkataan “sepuluh”; dan
- (e) dalam subseksyen (10), dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “dua puluh lima”.

Pindaan seksyen 16

5. Seksyen 16 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “empat puluh”.

Pindaan seksyen 17

6. Seksyen 17 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “lima puluh”.

Pindaan seksyen 18

7. Seksyen 18 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “empat puluh”; dan
- (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “lima puluh”.

Pindaan seksyen 19

8. Seksyen 19 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ratus” dengan perkataan “lima ribu”.

Pindaan seksyen 20

9. Seksyen 20 Akta ibu dipinda, dalam subseksyen (1) dan (3), dengan menggantikan perkataan “lima” dengan perkataan “lima puluh”.

Pindaan seksyen 20A

10. Subseksyen 20A(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “empat puluh”.

Pindaan seksyen 28

11. Seksyen 28 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “empat puluh”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

“(3) Bagi maksud subseksyen (1), mana-mana orang yang gagal untuk menzahirkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang berkaitan, atau memberikan, sebagai

benar, apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang dia tahu atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan seksyen 29

12. Subseksyen 29(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (*gi*) perenggan yang berikut:

“(*gj*) menetapkan suatu penalti denda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit bagi pelanggaran atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;”.

Pindaan seksyen 30

13. Seksyen 30 Akta ibu dipinda—

(*a*) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Ralat maksimum yang dibenarkan”; dan

(*b*) dalam subseksyen (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan “had selisih” dengan perkataan “ralat maksimum yang dibenarkan”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 (“Akta 71”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Subfasal 2(a)* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual Kedua Akta 71 mengenai sukatan linear melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* atas alasan ini lebih praktikal.

4. *Subfasal 2(b)* dan *11(a)* dan *fasal 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9* dan *10* masing-masing bertujuan untuk meminda subseksyen 12(3) dan subseksyen 28(2) dan seksyen 14, 14B, 16, 17, 18, 19, 20 dan 20A Akta 71, untuk menaikkan denda yang dikenakan bagi kesalahan di bawah seksyen-seksyen itu.

Kenaikan denda antara lima ribu ringgit hingga lima puluh ribu ringgit bertujuan untuk mencegah perniagaan yang melakukan fraud atau amalan tidak adil dengan mengambil kesempatan ke atas pengguna, juga untuk melindungi hak pengguna, mencegah penggunaan alat timbang atau sukat yang tidak sesuai dalam perniagaan dan untuk memastikan semua peniaga menjalankan perniagaan mereka dengan menggunakan alat timbang atau sukat yang mematuhi standard yang diluluskan oleh Kerajaan.

5. *Subfasal 11(b)* bertujuan untuk meminda seksyen 28 Akta 71 untuk memasukkan subseksyen baharu (3). Subseksyen (3) yang dicadangkan bertujuan untuk menjadikan suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang gagal untuk menzahirkan atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang berkaitan, atau memberikan, sebagai benar, apa-apa maklumat, dokumen atau keterangan yang dia tahu atau ada sebab untuk mempercayai adalah palsu atau mengelirukan bagi maksud pemeriksaan timbang dan sukat, dsb., di bawah subseksyen (1) seksyen yang sama.

6. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 29 Akta 71 untuk memasukkan perenggan baharu (2)(gj). Perenggan (2)(gj) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan penalti bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 71.

7. *Fasal 13* bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 71 untuk menggantikan istilah “had selisih” kepada “ralat maksimum yang dibenarkan” supaya selaras dengan standard semasa antarabangsa.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3014]